

11/12/1998

Penghargaan bernilai kepada pelabur

SEMALAM, Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengumumkan dividen dan bonus 10.5 peratus bagi pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB) sepanjang tahun ini. Walaupun ia turun satu peratus berbanding 11.5 peratus tahun lalu, rasanya tidak ada pelabur bersungut. Malah, mereka seharusnya bersyukur kerana dalam keadaan ekonomi tertekan sekali pun, dividen dan bonus tetap dibayar. Pelabur faham, dalam keadaan sukar, mereka tidak mungkin menikmati ganjaran terlalu tinggi seperti pada peringkat awal saham amanah itu dilancarkan. Ketika ekonomi baik, mereka pernah diberi dividen sehingga 14 peratus seperti pada 1990 dan 1994. Sebaliknya, apabila keadaan terdesak, mereka tentu bersedia menerima ganjaran lebih rendah. Tentunya pelabur sendiri tidak mengharapkan pulangan terlalu tinggi. Apabila ekonomi pulih kelak, mereka boleh mengharapkan bayaran lebih baik.

Tahun ini, pelabur diberi dividen 8 peratus dan 2.5 peratus `bonus kesetiaan' yang dikira berdasarkan purata baki minimum bulanan untuk tempoh sembilan tahun berturut-turut (1990-1998). Sebagaimana dijelaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bonus kesetiaan itu diberikan sebagai penghargaan PNB kepada pelabur jangka panjang yang terus mengekalkan pelaburan dalam ASB sejak diwujudkan pada 1990. Bagi mereka yang melabur secara berterusan, ini adalah penghargaan amat bernilai bagi mereka. Mereka bukan saja menikmati bonus dan dividen tahunan, malah kesetiaan mereka kepada ASB juga diambil kira. Pelabur ASB sebenarnya bernasib baik kerana ketika institusi kewangan lain menghadapi masalah begitu sukar, mereka tetap diberi jaminan pelaburan mereka terus selamat.

Pelabur pula begitu yakin dengan kekukuhan ASB kerana tidak ada kes pelabur `panik' mengeluarkan pelaburan sebagaimana berlaku di beberapa institusi kewangan dan perbankan lain. Berita angin yang ditiup pihak tertentu menyebabkan ada institusi kewangan terpaksa membuat pelbagai penjelasan. Namun, suasana gawat tidak berlaku kepada ASB. Malah, institusi pelaburan bagi masyarakat Bumiputera dijadikan tempat paling selamat untuk menyimpan. Sekiranya mereka panik dan mengeluarkan pelaburan berikutan pelbagai khabar angin, tentulah mereka akan menjilat jari apabila bonus dan dividen diumumkan. Kita perlu akui keyakinan pelabur yang berterusan kepada ASB, membolehkan institusi itu turut membantu kerajaan memperkukuhkan semula ekonomi negara.

ASB memperuntukkan RM2.727 bilion untuk membayar dividen dan bonus tahun ini, satu jumlah dianggap besar dalam keadaan gawat hari ini. Walaupun jumlahnya berkurangan 15.36 peratus berbanding peruntukan tahun lalu, rasanya tidak banyak institusi kewangan yang mampu menyediakan jumlah besar seperti itu. Tahun lalu, ketika negara mula dilanda kegawatan ekonomi, ASB membayar dividen 10.25 peratus dan bonus 1.25 peratus membabitkan sejumlah RM3.2 bilion. Semua ini menunjukkan penurunan atau kenaikan dividen bergantung kepada keadaan ekonomi. ASB mungkin boleh mengurangkan pembayaran dividen dan bonus tahun lalu tetapi disebabkan perolehannya masih baik ketika itu, hak pelabur tidak sedikit pun dinafikan. Tetapi, disebabkan keadaan meruncing tahun ini, pelabur perlu berterima kasih kerana mereka masih menerima pulangan antara yang tertinggi.

Jika cepat ekonomi negara dipulihkan, bermakna lebih cepatlah pelabur menikmati ganjaran lebih tinggi. Tetapi, jika rakyat sendiri melakukan pelbagai angkara yang boleh membantutkan usaha pemulihan ekonomi, adalah sukar untuk mengembalikan keadaan seperti sedia kala. Sekarang sudah ada

tanda pemulihan ekonomi secara beransur-ansur. Jika keadaan ini berterusan dan pengaliran wang mula masuk ke negara ini, ASB akan dapat memperbaiki kedudukannya lebih awal daripada institusi kewangan lain, bergantung kepada sokongan pelabur yang setia.

Bagi pelabur, mereka memahami struktur perniagaan yang dikendalikan ASB. Sekiranya pelaburan membabitkan ASB di institusi tertentu mengalami kejatuhan, sudah tentu pulangan yang akan dinikmati berkurangan. Setiap pelabur tentu faham kerana kira-kira 90 peratus daripada dana skim ASB dilaburkan dalam ekuiti dan selebihnya dalam bentuk lain termasuk pelaburan dalam pasaran saham. Sekiranya urus niaga dalam pasaran saham merudum, sudah tentulah ia menjejaskan pelaburan ASB. Dengan meningkatnya keyakinan dalam urus niaga di bursa saham kebelakangan ini, berbanding beberapa bulan sebelum ini terutama sebelum kerajaan menguatkuasakan kawalan mata wang, adalah diyakini keadaan akan pulih sepenuhnya sedikit masa lagi.

(END)